

No. Soalan: 60
PR-1332-L68124

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING
[SERDANG]

TARIKH : 16 JUN 2015

SOALAN : Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan mengutuk hukuman bekas Presiden Morsi selama 20 tahun penjara sebagai sesuatu tindakan politik yang tidak adil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Serdang atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jalinan hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Republik Arab Mesir telah dijalankan sejurus selepas kemerdekaan negara kita. Seterusnya, hubungan dua hala kedua-dua buah negara ini bertambah kukuh dan erat sejak penubuhan Kedutaan Besar Mesir di Kuala Lumpur pada tahun 1959 dan penubuhan Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah pada tahun 1960.
3. Hubungan dan kerjasama yang telah terjalin sekian lama di antara Malaysia dan Mesir tidak pernah mengalami kemerosotan akibat perkembangan politik di negara tersebut, malah Malaysia sentiasa memperbaharui jalinan perhubungan di peringkat tertinggi tanpa menyebelahi mana-mana parti atau organisasi politik di Mesir.
4. Malaysia mengambil maklum berkenaan keputusan mahkamah Mesir untuk menjatuhkan hukuman penjara 20 tahun ke atas 12 orang yang didapati bersalah, termasuk mantan Presiden Mesir, Mohamed Morsi. Kesemua mereka yang terbabit masih boleh melakukan rayuan ke atas keputusan berkenaan.

5. Dalam hal ini, Malaysia mengambil pendirian tidak mencampuri hal ehwal dalaman negara-negara berdaulat sejajar dengan prinsip dasar luar negara kita yang sentiasa menghormati kemerdekaan dan kedaulatan sesebuah negara. Namun demikian, Malaysia berharap Kerajaan Mesir dapat mewujudkan suasana politik yang inklusif dan aman.

Sekian, terima kasih.